

Fikiran Islam:

Bentuk Negara Khalifah Dalam Islam

(Oleh: Abdul Kahar Muzakkir)

Kita tidak benci kepada manusia Barat, kita bukan anti manusia Barat, kita tidak pernah dididik oleh Islam untuk memusuhi sesama manusia. Kita hanyalah mengemukakan kata-kata bandingan atas segala fitnah yang dilemparkan oleh ahli fikir dan penulis-penulis Barat terhadap Islam di masa yang lalu, yang sangat kita harapkan supaya berakhir sampai di situ sahaja.... *in shā-Allāh!*

(Sambungan Qalam bilangan 208)

Bentuk negara Islam sejati:

Dalam soal mencari bentuk sebuah negara Islam yang sejati, maka di sini kita datangkan suatu pertanyaan: “Bagaimana bentuk negara Islam sejati yang kita tuju?”

Sebagai jawabnya: Bentuk “negara Islam” sejati yang kita tuju ialah sebuah negara Islam yang bercorak khilafah dan berdaulat. (Dalam soal memilih sebuah negara Islam yang sejati kita berpendapat tidak salah kalau negara itu bercorak *warāthah* – pusaka turun-temurun – asal sahaja negara itu berdasarkan al-Qur’ān dan al-ḥadīth, bersifat kerakyatan dan berdasarkan musyawarah – berparlimen – P), sebagaimana juga bentuk negara yang pernah diwujudkan oleh Nabi besar Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dengan empat orang sahabatnya iaitu, Abū Bakr al-Siddīq, ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb, ‘Uthmān bin ‘Affān dan ‘Alī bin Abī Ṭālib. (Begitu pula sebuah negara Islam bercorak *warāthah* pernah pula dibentuk oleh Mu‘āwiyah bin Abī Sufyān yang dinamakan kerajaan Banī Umayyah –

sesudah berlalunya zaman *al-Khulafā’ al-Rāshidīn* – P).
Tegasnya bentuk “negara Islam” yang kita tuju ialah sebuah negara Islam yang demokrasi di sepanjang ajaran Islam, dihidupkan dengan semangat “musyawarah”. Bentuk “negara Islam” yang kita kehendaki ialah sebuah negara yang harmonis yang berdiri tegak di atas landasan hidup moral dan politik yang kukuh kuat. Bentuk negara khilafah dalam Islam langsung ditetapkan oleh Tuhan dalam kitab suci al-Qur’ān sebagaimana yang tersebut di dalam sūrat al-Nūr ayat (55) dengan firman-Nya: **“Layastakhlifannahum fī al-arḍ”**.
Ertinya: “Bahawa mereka akan menjadi khalifah (kepala negara) di bumi” kemudian digariskan pula oleh Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* di dalam suatu hadith yang diriwayatkan oleh al-Imām Bukhārī yang berbunyi: **“Wa innahu lā nabīyya ba’dī wa sayakūnu khulafā’u kathīr”**.
Ertinya: “Sesungguhnya tidak ada lagi nabi kemudian daripadaku, tetapi akan ada khalifah-khalifah (kepala negara) yang banyak bilangannya.”

Bentuk “negara Islam” yang pernah diwujudkan oleh Nabi besar Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dengan empat orang sahabat di belakangnya, ialah sebuah negara yang memperjuangkan kesejahteraan dan keselamatan pergaulan hidup masyarakat dunia seluruhnya, iaitu negara yang akan memperjuangkan kesejahteraan dan keselamatan pergaulan hidup masyarakat dunia seluruhnya, iaitu negara yang akan memberi pimpinan, bimbingan dan tuntunan hidup kepada masyarakat dunia internasional, yang dihidupkan oleh jiwa persaudaraan jiwa agama, jiwa mahabbah dan *ukhuwwah Islāmiyyah* (persaudaraan Islam).

Bentuk negara Islam seperti ini menjadi suatu ejekan, dicela dan diberi jolokan “Negara Totaliter” **Negara Totaliter**) yang ditegakkan dengan mata pedang, oleh ahli fikir dan penulis-penulis Barat di dalam banyak buku karangan mereka.

Pandangan keliru dan salah yang sama sekali tidak beralasan dari kalangan dunia Barat atas tuduhan itu kita jawab dengan tiga fasal

¹ Perkataan sebenarnya ialah *fayakthūrūn*.

Bentuk Negara Islam...

Jawapan seperti berikut:

1. Bentuk kedaulatan dunia Barat adalah “kedaulatan *ratio*”, dan kedaulatan dalam negara dunia Islam adalah “kedaulatan amanah Tuhan.” Tuhannya dunia Barat ialah “*ratio*” (falsafah), dan Tuhannya dunia Islam ialah “Tuhan yang Maha Esa, Tuhan yang Sejati, iaitu Allah *Subhānahu wa Ta‘alā*.”
2. Hierarki (Hierarchie) kenegaraan dunia Barat memang sangat berbeza dengan hierarki kenegaraan dunia Islam, sebab golongan manusia yang memegang kekuasaan dalam negara-negara dunia Barat jika berbuat jahat hanyalah dijatuhi hukum adat hidup *ratio* dan hukum pendapat *ratio*. Sebaliknya golongan manusia yang memegang kekuasaan di dalam negara dunia Islam, jika berbuat dosa dan jahat akan dijatuhi hukum menurut ketentuan hukum ajaran Tuhan yang tercatat di dalam kitab suci al-Qur’an al-Karim. Umpamanya:
 - a. Kepala negara yang berzina hukumnya direjam hingga mati.
 - b. Kepala negara yang mencuri (korupsi) hukumnya dipotong tangan dan kakinya (berselang-seli).
 - t. Dan sebagainya – menurut hukum yang dikenakan ke atas rakyat biasa.
3. Imperialisme, kolonialisme, kapitalisme Barat datang mengembara ke benua Asia dan Afrika dengan dihantar meriam, bedil dan kapal perang. Islam datang ke Asia dan

Afrika hanyalah dengan dakwah (penyeruan) melalui perdagangan.

Kadangkala hak Islam dilanggar, kadangkala Islam dicegah menyerukan dakwahnya (risalahnya), di sanalah tempat dan saatnya Islam berkenalan dengan perang.

Kita tidak benci kepada manusia Barat, kita bukan anti manusia Barat, kita tidak pernah dididik oleh Islam untuk memusuhi sesama manusia, kita hanyalah mengemukakan kata-kata bandingan atas segala fitnah yang dilemparkan oleh ahli fikir dan penulis-penulis Barat terhadap Islam di masa yang lalu, yang sangat kita harapkan supaya berakhir sampai di situ sahaja... *in shā-Allāh!*

Sekarang kita kemukakan suatu pertanyaan yang lain: Bagaimana corak “rangka negara” dan susunan “ketatanegaraan Islam” yang kita tujui??? Rangka negara kita ada tiga pada garis besarnya, iaitu:

1. **Persatuan Islam:** Bersendi kepada dasar al-Qur’an al-Karim dan hadith-hadith *ṣaḥīḥ*, menghargai, menghormati dan memelihara kehidupan semangat kebangsaan, memelihara semangat golongan suku bangsa dan memelihara semangat puak manusia. Ini adalah mengikuti dasar al-Qur’an di dalam sūrat al-Ḥujurāt ayat (13):

“*Yā ayyuhā al-nāsu innā khalaqnākum min dhakarīn wa unthā wa ja‘alnākum shu‘uban wa qabā’ila li ta‘ārafū, inna akramakum ‘inda Allāhi atqākum, inna Allāha ‘alīmun khabīr.*”

Maksudnya: “Wahai manusia sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu berasal dari

lelaki dan perempuan, dan Kami jadikan kamu bersuku bangsa, supaya kamu berkenal-kenalan antara satu sama lain. Sesungguhnya orang termulia di antara kamu pada sisi Allah, ialah orang yang takwa. Sesungguhnya Allah Mengetahui lagi Bijaksana.”

2. **Melaksanakan cita-cita hidup kenegaraan Islam** di atas landasan hidup moral dan politik, mewujudkan masyarakat bersusila, makmur, tenteram dan bahagia, di bawah naungan keredaan Allah *Subhānahu wa Ta‘alā*, iaitu:
 - a. Keakhiratan, kehidupan rohani.
 - b. Keadilan sosial di samping ajaran Islam.
 - t. Demokrasi sejati di samping ajaran Islam.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Tuhan di dalam al-Qur’an sūrat al-Qaṣaṣ ayat (77):

“*Wa ibtaghi fī mā ātāka Allāhu al-dāra al-ākhirata wa lā tansa naṣibaka mina al-dunyā, wa aḥsin kamā aḥsana Allāhu ilayk, wa lā tabghī al-fusāda fī al-arḍ, inna Allāha lā yuḥibbu al-mufsidīn.*”

maksudnya:

“Hendaklah rebut kebahagiaan hari akhirat dengan kekayaan yang dianugerahkan Allah kepada engkau, serta janganlah lupa kepada nasib (bahagian) engkau di atas dunia. Berbuat baiklah kepada manusia, sebagaimana Allah telah berbuat baik kepada engkau. Janganlah membuat bencana (kebinasaan) di muka bumi, kerana Allah tidak suka kepada orang yang memperbuat bencana itu.”

3. **Menegakkan dunia Islam:** Dunia persaudaraan sesama manusia,

Bentuk negara Khalifah...

dunia ukhuwwatanisme. Juga membina dunia perdamaian dengan negara-negara dunia merdeka yang lainnya, selama golongan manusia lainnya di luar Islam belum mahu menyedari akan kebenaran ajaran-ajaran Islam. Sebagaimana firman Allah di dalam sūrah al-Hujurāt ayat (10):

“Innamā al-mu’minūna ikhwah, fa aṣliḥū bayna akhawaykum, wa ittaqū Allāha la’allakum turḥamūn.”

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang Mukminin itu bersaudara, sebab itu perdamaikanlah antara dua orang saudara kamu dan takutlah kepada Allah, mudah-mudahan kamu mendapat rahmat daripada-Nya.”

Adapun susunan ketatanegaraan yang akan kita tegakkan ialah mendukung berdirinya negara-negara di dalam dunia Islam (*in shā-Allāh*) yang berdasarkan ajaran-ajaran Tuhan di dalam kitab suci al-Qur’ān sebagaimana yang tersebut di dalam sūrah al-Hujurāt ayat (13) yang lalu iaitu:

1. Susunan ketatanegaraan “kesatuan Islam” untuk satu golongan bangsa.
2. Susunan ketatanegaraan persatuan “*federation*” untuk bangsa-bangsa bersuku.
3. Susunan ketatanegaraan “Ikatan Persatuan” (syarikat negara-negara) untuk bangsa bersuku dan golongan besar dan untuk dunia Islam seluruhnya.

Sekarang datang pula pertanyaan yang lain: “Bagaimana cara dan sikap kita dalam perjuangan menegakkan negara khalifah (Islam) itu???”

Dari sejarah Islam kita mengetahui bahawa yang mengacau dan merosakkan susunan ketatanegaraan khilafah di belakang Nabi besar Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dan empat orang sahabatnya *al-Khulafā’ al-Rāshidīn* adalah disebabkan pengaruh feudalisme dan mazhab yang menimbulkan monarki (Monarchie) dalam Islam, dan juga pengaruh “*secularist*” Dari golongan nasionalisme garongan yang menimbulkan anarki (Anarchie) dalam susunan ketatanegaraan Islam.

Atas dasar itu maka pengaruh feudalisme garongan dalam masyarakat dunia Islam yang ada sekarang, wajib kita beri sangkalan dan tentangan dengan tegas, radikal dan revolusioner.

Kita tahu bahawa ada golongan manusia yang memusuhi Islam yang telah mencuba menimbulkan berbagai-bagai macam “hadith-hadith palsu” yang sangat mempengaruhi keluhuran dan kemurniaan hadith-hadith *ṣaḥīḥ* ajaran Nabi besar Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

Atas dasar ini semua, maka sejalan dengan usaha perjuangan kita membebaskan dan membersihkan Islam dari pengaruh feudalisme nasionalisme, maka segala macam hadith yang tidak *ṣaḥīḥ* (palsu), di antara lain hadith *mawḍū’*, hadith *munkar*, hadith *da’if* dan sebagainya, seumpamanya kata-kata Nabi ‘Īsā *‘alayhi al-salām* di dalam kitab Injil yang dibikin-bikin dan dipalsukan

oleh Paulus, wajib kita lemparkan dan kita kikis habis-habisan dari kitab-kitab hukum Islam.

Hadith *ṣaḥīḥ* yang wajib kita selami dan wajib kita pelajari bersungguh-sungguh dengan secara luas dan mendalam, hanyalah hadith *mutawātir*, hadith *aḥād* yang muktabar, iaitu *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwud*, *Sunan Nasa’ī*, *Sunan Ibn Mājah*, *Sunan al-Tirmidhī* dan *Musnad Aḥmad*, yang benar-benar “*ṣaḥīḥ*”, langsung disabdakan oleh Nabi besar Muḥammad dan diriwayatkan oleh para sahabat dan para perawi yang jujur dan dipercayai.

Dengan dikubur matikan dan dilemparkan segala macam hadith-hadith palsu dari kitab-kitab hukum Islam yang ada di dalam masyarakat dunia Islam di hari ni, sedikit pun tidak membawa pengaruh dan tidak memberi bekas apa-apa dalam kedudukan hukum Islam yang teguh dan konkrit, malahan sebaliknya bahawa tindakan tegas, radikal dan revolusioner demikian itu kembali akan mendudukan hukum syariat Islam pada tempat kedudukannya yang sejati, luhur dan murni.

Hukum ajaran Islam yang ada tercatat di dalam kitab suci al-Qur’ān ditambah dengan ribuan hadith *ṣaḥīḥ* Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* adalah satu-satunya jaminan hidup “**hukum Islam**”, tanpa campur tangan manusia.

Demikian itulah langkah usaha dan sikap pendirian golongan pejuang-pejuang Islam revolusioner dalam perjuangan mereka untuk menegakkan ajaran-ajaran

Bentuk negara Khalifah...

Islam yang tulen sejati, ajaran-ajaran Islam yang berdasarkan al-Qur'ān dan hadith-hadith *ṣahīh* dalam bentuk kedaulatan negara Islam, hukum-hukum agama dan ajaran-ajaran Islam yang diwahyukan oleh Tuhan kepada manusia dengan perantaraan nabi dan rasul-nya, adalah

hukum kedaulatan Tuhan terhadap manusia sebagai “makhluq”, iaitu hukum amanah Tuhan yang diamanahkan, diajarkan kepada manusia, dan diwajibkan oleh Tuhan untuk menjadi hukum pergaulan hidup manusia di muka bumi, di dalam lingkungan “pemerintahan manusia” itu sendiri.

Sungguh masih sangat banyak persoalan berhubung dengan pembentukan

“negara Islam” yang belum kita kemukakan di sini, akan tetapi persoalan ini baiklah kita sudahi hingga setakat ini dahulu.

Jika Tuhan membenarkan dan berkenan memberikan pertunjuk-Nya kepada kita, persoalan pembentukan sebuah “negara Islam” ini, mudah-mudahan akan dapat kita ulang jelaskan di lain waktu – *in shā-Allāh*.

Kata-kata Hikmah

Kewajipan yang utama mesti dituntut oleh seseorang manusia, ialah pelajaran dan pendidikan, selainnya akan diperolehi dengan sendiri – Van Elst.

* * *

Kemerdekaan itu menjadi asal kemajuan manusia, kemerdekaan itu bolehlah dikatakan sebagai hawa yang bersih, semua orang suka mengisapnya – Victor Hugo.

* * *

Kemerdekaan itu bukan satu pertaruhan, tetapi satu pertanggungjawaban, jika kita elakkan tanggungjawab ini, kita akan kalah dalam pertaruhan – Andre Collin.

* * *

Kemerdekaan itu tak mungkin dapat dicapai dan dilaksanakan, jika tidak dengan penderitaan dan pengorbanan yang besar; pengorbanan dan penderitaan untuk mencapai kemerdekaan itu kadang-kadang sampai tak sanggup dipikul oleh manusia – Haliphix.

* * *



Inilah bangunan Masjid al-Aqsa – kiblat pertama orang-orang Islam – yang terletak di Baitul Maqdis yang akan dihancurkan oleh orang-orang Israel yang berkuasa di tempat suci Islam itu di atas runtuhannya Masjid al-Aqsa.

Inilah kelak akan mereka bina sebuah Masjid Yahudi berbentuk Haikal Sulaiman. Sedarlah wahai umat-umat Islam di atas kezaliman dan kedurjanaan orang-orang Yahudi yang sentiasa bercita-cita jahat dan tidak berperi-kemusiaan, mereka sanggup untuk menodai kesucian agama Islam yang dianuti oleh lebih dari 700 juta manusia di seluruh alam.

Makalah mengenai gambar ini telah kita siarkan di bilangan yang lalu dengan tajuk: “Rancangan menghancurkan Masjid Al-Aqsa.”